

# BN selesaikan banyak isu untuk kepentingan semua

SEREMBAN, Khamis — Banyak isu berkaitan dengan masyarakat telah dan akan diselesaikan oleh kerajaan Barisan Nasional untuk kepentingan semua kaum, kata Menteri Buruh, Datuk Mak Hon Kam.

Menurut beliau, menyelesaikan masalah orang ramai yang sedia ada memberi kesan yang lebih baik untuk pem-

angunan negara.

Beliau yang juga Pemangku Timbalan Presiden Kebangsaan MCA memberitahu, "Kerajaan tidak mengambil perhatian dari segi jangka pendek kerana perjalanan sesebuah negara terletak di tangan pemimpin."

Barisan Nasional, kata Datuk Mak, juga tidak menggunakan isu untuk berhadapan dengan satu-satu kaum sahaja di ne-

gara ini kerana Barisan diwakili oleh semua pihak.

Datuk Mak juga memberi jaminan kepada pengundi dan penyokong bahawa Puan Rosie Teh boleh melaksanakan kepercayaan dan tanggungjawab yang diserahkan kepadanya.

Beliau berkata demikian di majlis tarihan singa dan naga di Dewan Rekreasi di sini malam tadi.

Tambahnya, sifat parti-parti komponen dalam Barisan juga menunjukkan sikap kerjasama dan bertanggungjawab yang tidak ada bandingnya.

"Sebuah negara seperti Malaysia tidak memerlukan tenaga parti pembangkang," tegas Datuk Mak.

Corak dan struktur kerajaan yang berdasarkan kepemimpinan bersama, kata beliau, sudah melambangkan kerjasama dan sokongan semua kaum di negara ini.

Katanya, tiada kejayaan yang dibawa bagi memaju dan membangunkan negeri ini sejak calon DAP 'berkuasa' dari tahun 1969.

Oleh itu, kata Datuk Mak: "Pengundi-pengundi dan penyokong-penyokong perlu berfikir panjang bila diberi peluang mengundi."

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia